



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 17 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	INSPIRASI REALITI TV JUARA AGROTEK, NASIONAL, SH-15 MAFI SEDIA RM15 JUTA BANTU USAHAWAN MUDA, NEGARA, KOSMO-6 NEW TV SERIES TO PROMOTE FARMING, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-5 AYU DAMIT CEBURI PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM-32 JUARA AGROTEK BERI INSPIRASI CEBURI BIDANG PERTANIAN, UTUSAN BORNEO, ONLINE JUARA AGROTEK REALITY SHOW IN JUNE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A4 JUARA AGROTEK BERI INSPIRASI CEBURI BIDANG PERTANIAN, UTUSAN BORNEO, ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
8. 9. 10. 11. 12.	DUO NABBED OVER SHOOTING OF STRAY DOG WITH ARROWS, NEWS, NST-13 ISU TELUR TERCEMAR TAK JEJAS PENGGUNA, LOKAL, HM-6 WAIT 10 DAYS BEFORE EATING EGGS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-5 PROJEK RM1 JUTA TERNAK LEMBU SADO, NEGARA, KOSMO-18 LEMBU SUMBER KEKAYAAN BAHARU, NASIONAL, SINAR HARIAN-14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
13. 14. 15.	160 KG TELUR SOTONG DIRAMPAS, NASIONAL, BH-19 MAQIS RAMPAS TELUR SOTONG KATAK, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH-28 GAGALKAN CUBAAN BAWA TELUR SOTONG, LOKAL, HM-5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
16. 17.	TERNAKAN UDANG DIDAKWA PUNCA PENCEMARAN SUNGAI, NEGARA, KOSMO-16 CAP GESA SIASAT KUALA SUNGAI PINANG TERCEMAR, NASIONAL, BH-21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
18.	HASIL HARUMANIS DIRAMAL 3,000 TAN, DALAM NEGERI, UM-29	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
19.	PROGRAM ADVOKASI GALAK PENGUSAHA JENTUAI BERSIH BONGKAH TANAH, NASIONAL, BH-22	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)*
20. 21. 22. 23. 24. 25.	BOARD TO HELP BOOST PINEAPPLE INDUSTRY IN SABAH, HOME, BORNEO POST-5 LPNM TINGKATKAN KELUASAN TANAMAN NANAS NEGARA, MALAYSIA GAZETTE, ONLINE. LPNM TINGKAT KELUASAN TANAMAN NANAS NEGARA, SINAR HARIAN ONLINE WUJUDKAN LPNM, RANCAKKAN AKTIVITI NENAS, BERNAMA TV ONLINE LPNM DIWUJUDKAN DI SABAH UNTUK RANCAKKAN INDUSTRI NANAS, UTUSAN BORNEO ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
26.	PADI DITANAM DALAM TONG CAT TERPAKAI HIDUP SUBUR, DALAM NEGERI, UM-29	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Inspirasi Realiti TV Juara Agrotek

MAFI ketengah bidang industri pertanian, penternakan untuk tarik minat generasi muda

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

**B**uat julung kalinya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalinkan kerjasama dengan industri kreatif bagi mengetengahkan bidang industri pertanian dan penternakan dalam bentuk rancangan realiti TV.

Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pendektan itu sebahagian daripada usaha menarik minat golongan muda dalam industri yang dianggap hanya sinonim dengan usia senja.

Menurutnya, ia sekali gus memban-



Che Abdullah (barisan belakang, ilima dari kiri) bergambar bersama peserta selepas majlis Penutup Rancangan Realiti TV Juara Agrotek di Putrajaya pada Selasa.

tu mempromosikan bidang tersebut sebagai kerjaya pilihan setanding kerjaya profesional yang lain.

“Melalui Rancangan Realiti TV Juara Agrotek, ia mampu mencetus inspirasi kepada anak muda yang terlibat dalam bidang ini dan dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa ia bukan lagi bidang 3D (*Dirty, Difficult dan Dangerous*).

“Sebaliknya, dengan penggunaan

teknologi, bidang ini mampu menjadi cabang kerjaya yang menjamin pulangan tinggi,” katanya kepada pemberita pada Majlis Penutup Rancangan Realiti TV Juara Agrotek di sini pada Selasa.

Juara Agrotek adalah rancangan realiti TV 13 episod berkonsepkan ‘infotainment’ melibatkan seramai 12 peserta daripada pelbagai sub-sektor pertanian termasuk tanaman dan pen-

ternakan. Ia dijangka ditayangkan pada Julai depan menerusi siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Che Abdullah berkata, setiap peserta perlu melalui pelbagai tugasan yang mencabar, antaranya cara menternak ayam organik, lembu tenusu dan kambing, bertanam ubi kayu, cili, jagung dan lain-lain tanaman menggunakan teknologi pertanian terkini.

“Ilmu yang diperoleh bukan sahaja bermamfaat kepada mereka tetapi juga untuk penonton di luar sana.

“Peserta dapat meningkatkan ilmu usahawan mereka dan berpeluang mengembangkan potensi pertanian atau penternakan yang berbeza dengan yang sedang diusahakan sekarang,” katanya.

Sementara itu, penyanyi, Ayu Damis, 32, yang merupakan salah seorang peserta program berkenaan berkata, bidang pertanian wajar diterokai golongan muda kerana ia mempunyai potensi yang lumayan.

“Setiap anak muda perlu membuktikan mereka boleh mengusahakan tanaman atau ternakan sebelum memperolehi insentif kerajaan,” katanya.

## MAFI sedia RM15 juta bantu usahawan muda

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM15 juta untuk Geran Agropreneur Muda (GAM) di bawah Program Agropreneur Muda (PAM) tahun ini buat 750 usahawan muda di seluruh negara.

Timbalan Menteri, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, seramai 1,149 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan GAM sepanjang tahun lalu dari 1 Januari hingga 24 Disember dengan peruntukan berjumlah RM 21.73 juta.

Beliau berkata, sektor tanaman menerima peruntukan terbanyak dengan RM8.3 juta melibatkan 431 orang usahawan diikuti sektor industri makanan RM7.59 juta (414 orang), sektor ternakan RM3.99 juta (202 orang) dan perikanan RM1.85 juta (102 orang).

"Bantuan geran ini adalah berbentuk barangan sehingga RM20,000 bagi projek baharu untuk meningkatkan pengeluaran hasil dan menambah pendapatan agropreneur muda tersebut.

"Selain itu, bantuan modal sehingga RM50,000 melalui Pakej Pemblayaan Khas Tekun Nasional dan Agrobank sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan serta kursus jangka pendek dan khidmat nasihat agensi berkaitan di bawah kementerian," katanya pada Majlis Penutup Rancangan Realiti TV Juara Agrotek di Wisma Tani semalam.



**CHE ABDULLAH**

Che Abdullah berkata, seramai 6,969 orang agropreneur muda di seluruh negara telah menerima kelulusan PAM dari 1 Januari 2016 hingga 24 Disember 2020 dengan jumlah keseluruhan RM126.23 juta.

Menurutnya lagi, PAM dilancarkan khas untuk golongan muda yang berumur antara 18 hingga 40 tahun bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor agromakanan.

"Program ini merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran serta latihan.

"Turut disediakan adalah kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian serta agropelancongan," katanya.

## New TV series to promote farming

**PUTRAJAYA:** A reality television programme on agriculture, Juara Agrotek, will be aired on Radio Televisyen Malaysia TV1 starting June to inspire the community to venture into the field.

In the 13-episode programme, 12 contestants will be challenged with various tasks such as breeding organic chicken, planting cassava and other crops using the latest technology.

"We hope this programme will change the community's perception that agriculture is no longer a 3D (dirty, dangerous and difficult) field," Deputy Agriculture and Food Industries Minister Datuk Che Abdullah Mat Nawi said in his speech at the closing of the *Juara Agrotek* show yesterday.

A participant, Norayu Damit, 32, who is also a local celebrity, said she would use the experience gained during the recording of the programme to expand her business.

Norayu, who grows chillies, long beans, cucumbers and other vegetables at her farm in Hulu Langat, Selangor, said during the programme, participants were also exposed to various farming methods such as using the LED lighting system.

A rock melon farmer in Pulau Gadong, Malacca, Oh Yih Peng, 30, said he participated in the reality show after he came across an advertisement on the ministry's Facebook page.

"I started farming in 2016 using the hydroponic system before growing rock melons using the fertigation technique. Agriculture is a business and I'm satisfied with the results," said the former student of Universiti Teknikal Malaysia Melaka. - Bernama

# Ayu Damit ceburi pertanian

Oleh AMREE AHMAD  
ut.usamnews@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Selepas meraih tempat ketiga dalam *Gegar Vaganza* pada 13 Disember lalu, Ayu Damit kini beralih menyertai program realiti pertanian.

Juara pertandingan *One in a Million* 2008 itu antara 12 peserta terpilih dalam program realiti televisyen terbaru, *Juara Agrotek* yang akan disiarkan TV1 mulai Julai ini.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis penutup rancangan itu di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di sini, jelas Ayu, minat bertani sudah lama ada dalam dirinya.

"Pada mulanya saya sekadar bertanya sama ada masih ada tempat lagi dan secara kebetulan memang ada satu kekosongan untuk ganti seorang peserta yang tarik diri," katanya.

Program musim sulung sebanyak 13 episod terbitan PTV Media Sdn. Bhd. itu dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Ayu yang berasal dari Putatan, Sabah berkata, beliau memang memiliki sebidang kebun



**CHE Abdullah Mat Nawi (dua kanan) menyampaikan siji dan saguhati kepada Ayu Damit pada majlis penutup rancangan Juara Agrotek di lobi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

pelbagai sayur-sayuran di Batu II, Hulu Langat, Selangor.

"Suami suka berkebun dan saya lebih kepada pemasaran, sebelum tercetus idea untuk serius apabila melihat potensi san-

tan daripada kelapa," katanya.

Beliau yang ketika ini mengusahakan tanaman fereigasi cili, timun, kacang panjang dan tembakai susu bernarap, sayur-sayuran itu mampu dikomer-

sialkan dalam skala besar.

Pelantun suara album *Inspirasi* itu turut mengharapkan penyertaannya dalam *Juara Agrotek* menarik minat anak muda menceburi pertanian.

Headline	Juara Agrotek reality show in June		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	17 Mar 2021	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	117 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 886
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,659



## 农业真人秀节目 6 月启播

(布城 16 日讯) 农业相关的真人秀电视节目 Juara Agrotek 将于 6 月，在马来西亚第一电视台启播，以鼓励社区参与农业。

农业及食品工业部第二副部长仄阿都拉表示，在这 13 期的节目中，12 名真人秀参与者将在农业领域执行各种任

务，包括使用最新技术饲养有机鸡、种植木薯和其他农作物。

他今日出席 Juara Agrotek 闭幕仪式时，如是表示。

“希望通过此项计划，改变人们的刻板印象，农业不是肮脏、艰难及危险的工作。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.03.2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## JUARA AGROTEK BERI INSPIRASI CEBURI BIDANG PERTANIAN



PUTRAJAYA: Rancangan realiti televisyen berkaitan pertanian, Juara Agrotek akan bersiaran di saluran TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM) mulai Jun ini bagi memberi inspirasi kepada masyarakat untuk menceburi bidang pertanian.

Program 13 episod itu, akan menampilkan 12 peserta rancangan realiti yang melakukan pelbagai tugas dalam bidang pertanian antaranya menternak ayam organik, menanam ubi kayu dan tanaman lain dengan menggunakan teknologi terkini.

“Kita berharap program ini dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa bidang pertanian bukan lagi bidang 3D iaitu dirty (kotor), difficult (susah) dan dangerous (bahaya),” kata

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Che Abdullah Mat Nawi dalam ucapannya pada majlis penutup rancangan Juara Agrotek itu, di sini semalam.

Seorang peserta Norayu Damit, 32, yang juga artis tanah air berkata pengalaman yang ditimba sepanjang rakaman program Juara Agrotek akan dijadikan panduan bagi mengembangkan perniagaannya.

Beliau, yang mengusahakan tanaman cili, kacang panjang, timun dan sayur-sayuran lain di ladangnya di Hulu Langat, Selangor, berkata tugas yang diberikan turut memberi pendedahan kepada peserta untuk mempelajari teknik pertanian seperti tanaman yang menggunakan sistem pencahayaan LED.

Seorang pengusaha tanaman rock melon di Melaka, Oh Yih Peng, 30, berkata beliau mendapat tahu mengenai program realiti Juara Agrotek itu melalui iklan di laman Facebook Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

“Saya mula bercucuk tanam pada 2016 dengan kaedah penanaman hidroponik sebelum beralih ke tanaman rock melon secara fertigasi. Pertanian adalah perniagaan dan saya puas hati bila dapat hasilnya,” kata bekas pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang mempunyai ladang di Pulau Gadong, Melaka itu. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.03.2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## JUARA AGROTEK BERI INSPIRASI CEBURI BIDANG PERTANIAN



semalam.

PUTRAJAYA: Rancangan realiti televisyen berkaitan pertanian, Juara Agrotek akan bersiaran di saluran TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM) mulai Jun ini bagi memberi inspirasi kepada masyarakat untuk menceburi bidang pertanian.

Program 13 episod itu, akan menampilkan 12 peserta rancangan realiti yang melakukan pelbagai tugas dalam bidang pertanian antaranya menternak ayam organik, menanam ubi kayu dan tanaman lain dengan menggunakan teknologi terkini.

“Kita berharap program ini dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa bidang pertanian bukan lagi bidang 3D iaitu dirty (kotor), difficult (susah) dan dangerous (bahaya),” kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Che Abdullah Mat Nawi dalam ucapannya pada majlis penutup rancangan Juara Agrotek itu, di sini

Seorang peserta Norayu Damit, 32, yang juga artis tanah air berkata pengalaman yang ditimba sepanjang rakaman program Juara Agrotek akan dijadikan panduan bagi mengembangkan perniagaannya.

Beliau, yang mengusahakan tanaman cili, kacang panjang, timun dan sayur-sayuran lain di ladangnya di Hulu Langat, Selangor, berkata tugas yang diberikan turut memberi pendedahan kepada peserta untuk mempelajari teknik pertanian seperti tanaman yang menggunakan sistem pencahayaan LED.

Seorang pengusaha tanaman rock melon di Melaka, Oh Yih Peng, 30, berkata beliau mendapat tahu mengenai program realiti Juara Agrotek itu melalui iklan di laman Facebook Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

“Saya mula bercucuk tanam pada 2016 dengan kaedah penanaman hidroponik sebelum beralih ke tanaman rock melon secara fertigasi. Pertanian adalah perniagaan dan saya puas hati bila dapat hasilnya,” kata bekas pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang mempunyai ladang di Pulau Gadong, Melaka itu.



## Duo nabbed over shooting of stray dog with arrows

**ALOR STAR:** Police conducted two raids on Saturday afternoon and arrested two men on suspicion of shooting a stray dog with arrows and killing it at Seberang Jalan Putra, here, last Thursday. Kota Setar District police chief Assistant Commissioner Ahmad Shukri Mat Akhir said a police team from the Kota Setar district police headquarters Criminal Investigation Division arrested the first suspect, aged 30, in Jitra. "The suspect was arrested at 4pm. Further investigations led to the seizure of two bows, a quiver and 21 arrows at the suspect's house in Mergong, here. An hour later, police arrested another suspect, 20, who is also believed to have been involved in the incident. He was arrested at the roadside in Kampung Hilir, Kepala Batas." **Bernamea**

## Isu telur tercemar tak jejas pengguna

**Johor Bahru:** Hanya sedikit kegusaran timbul dalam kalangan orang ramai terhadap penjualan telur ayam di bandar raya ini.

Ia berikutan isu Singapura mengarahkan empat pengimport menarik balik daripada pasaran telur dihasilkan di Lay Hong Berhad Layer Farm di Jeram, Selangor pada Sabtu lalu.

Tinjauan Harian Metro mendapati, aktiviti jualan

telur ayam selain perniagaan kedai makan berjalan seperti biasa.

Suri Rumah, Nor Azilah Kasim, 39, berkata, pada mulanya dia bimbang dengan isu terbabit kerana ia antara makanan kegemaran keluarga terutama empat anaknya.

Katanya, dia mempunyai kaedah tersendiri bagi memastikan telur dalam keadaan baik.

"Saya sudah lama tidak be-

li telur di pasar raya. Saya biasa beli telur segar yang dibawa penjual dengan lori setiap minggu.

"Saya rasa lebih yakin membeli telur terus daripada penjual. Setakat ini saya yakin dengan telur dalam pasaran," katanya.

Bagi guru Taman Didi-kan Kanak-kanak (Tadika), Rahayu Mohd Zain, 30, dia membeli telur seperti biasa kerana yakin ia bukannya daripada pembekal sa-

ma.

"Saya rasa tiada masalah. Pada mulanya saya risau jika isu telur umpama isu kartel daging di Senai.

"Bagaimanapun, bukan syarikat terbabit saja yang membekalkan telur di bandar raya ini.

"Ada banyak syarikat membekal telur ayam di Johor dan pasti kualitasnya diyakini," katanya ketika ditemui di kedai runcit di sekitar bandar raya ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.03.2021	THE SUN	NEWS WITHOUR BORDERS	5

## Wait 10 days before eating eggs

■ BY ELLY FAZANIZA  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Consumers will have to wait another 10 days before they know if it is safe to consume eggs sold in the market.

The Veterinary Services Department collected samples from eight poultry farms in Jeram, Selangor for tests in response to Singapore's rejection of eggs from the farms.

Agriculture and Food Industries Deputy Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah told *theSun* that samples of the eggs are now at the department's laboratory in Salak Tinggi.

"We can expect to see some results in seven to 10 days."

The Singapore Food Agency announced last Friday that it had instructed importers to recall eggs from the Lay Hong Bhd layer farm in Jeram after detecting *Salmonella Enteritidis* (SE) in the eggs.

Hamzah said the farm has also been directed to stop marketing the eggs pending results of the Veterinary Services Department findings. The test requires the contaminated eggs to be pasteurised, a process called "heat treatment".

The *Salmonella* virus, if consumed, can cause diarrhoea, abdominal pains, fever, nausea and vomiting. However, according to public health expert Dr Hanafiah Bashirun, the eggs can be safe for human consumption if boiled or fried at 100°C.

He expressed surprise that the bacteria were found in the eggs.

"It is highly unlikely for *Salmonella* to appear inside an enclosed and intact shell.

Hamzah declined to say if the eggs that are still in the market would be recalled, pointing out that "it would be difficult" to tell the good ones from those that are contaminated.

However, he agreed with Hanafiah's statement that it is safe to eat if it is thoroughly cooked.

The Malaysian Federation of Hawkers and Petty Traders Association, which represents more than 70,000 small businesses in Selangor and Kuala Lumpur, urged the government to give traders a clear picture of the situation. Its president Datuk Seri Rosli Sulaiman pointed out that selling eggs is highly profitable for the retailers.

He also advised traders to ascertain the source of the eggs before selling them.

"If it is from Jeram, it is best not to sell them as we do not know the effects if consumed. As for consumers, I would advise against buying them for now."

The Consumers Association of Penang said the authorities should review how chickens are reared, which may have contributed to the contamination. Its president Mohideen Abdul Kader said the authorities should establish a monitoring system to ensure food safety.



**AZMAN** (dua dari kiri) melihat lembu sado milik seorang peserta projek Penternakan Lembu Sado Berkelompok di Jabl, Terengganu semalam.

## Projek RM1 juta ternak lembu sado

**BESUT** – Kerajaan negeri Terengganu berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran produk 'daging katang' daripada lembu sado bagi menambah pendapatan penternak di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, seekor lembu sado mampu menghasilkan daging seberat hampir setan dan berkualiti tinggi.

"Daging katang yang lembut dan berjus sesuai untuk dijadikan menu hidangan hotel yang bernilai tinggi.

"Walaupun tidak dapat menyaingi harga daging wagyu, daging lembu sado boleh mencecah

RM600 satu kilogram sekiranya dipotong dengan teknik yang betul," katanya selepas merasmikan projek Pembangunan Lembu Sado Berkelompok di Jabl di sini semalam.

Azman berkata, projek Pembangunan Lembu Sado Berkelompok itu merupakan strategi kerajaan negeri Terengganu untuk meningkatkan pengeluaran 'daging katang'.

Beliau memberitahu, kira-kira 70 penternak lembu sado di seluruh daerah di negeri ini kecuali Kuala Terengganu terlibat dalam projek perintis tersebut melibatkan peruntukan keseluruhan RM1 juta.

"Peserta projek itu perlu

membela lembu sado masing-masing di kawasan padang ragut yang disediakan di setiap daerah terlibat.

"Setiap ekar padang ragut itu mampu menghasilkan 43.92 tan metrik rumput minyak sebagai makanan lembu sado peliharaan penternak terlibat dalam tempoh setahun," katanya.

Azman menambah, penternak lembu sado yang menyertai projek perintis itu juga akan diberi latihan amalan pengurusan penjagaan ternakan secara sistematik.

Beliau berkata, selain sumber daging, projek tersebut menyasarkan untuk menghasilkan 21 anak lembu sado setiap tahun.

# Lembu sado sumber kekayaan baharu

Kerajaan Terengganu laksana Projek Pembangunan Hub Lembu Sado Berkelompok

Oleh RAHAYU MUSTAFA

**KUALA TERENGGANU**

**K**erajaan Terengganu berhasrat menajadkan penternakan lembu sado sebagai sumber kekayaan baharu sulasan potensi yang ada pada harwan baka import itu berbanding lembu biasa.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, atas dasar itu kerajaan melaksanak Projek Pembangunan Hub

Lembu Sado Berkelompok dan ia dijangka mampu memberi pulangan lumayan kepada penternak.

"Selain dagingnya yang lebih berkualiti, lembu sado juga bermilai tinggi dengan harga seekor anak lembu sado berusia 12 bulan boleh mencecah sehingga RM8,000 manakala lembu dewasa mencapai harga RM25,000 seekor," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Menurutnya, kerajaan negeri telah melaksanakan perintis Pembangunan Hub Lembu Sado Berkelompok dengan membangunkan dua kandang lembu sado di padang ragut di Jabi, Besut dan Kerteh, Kemanan melibatkan peruntukan sebanyak RM92,000 tahun lalu.

"Projek melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu ini turut memberi bantuan seekor induk kacukan sado kepada setiap 10 peserta di dua kawasan berkenaan dengan peruntukan sebanyak



Dr Azman (kanan) melihat lembu sado yang ditawarkan di Terengganu.

RM100,000.

"Projek ini akan diteruskan tahun ini dengan beberapa penambahan," katanya. Sebanyak RM700,000 telah diperuntukkan bagi menjayakannya iaitu RM250,000 untuk pembinaan

kandang, manakala RM450,000 untuk perolehan induk-penganda," katanya.

Beliau berkata, ia akan dilaksanakan di empat kawasan iaitu Dungun, Hulu Terengganu, Marang dan Kuala Nerus yang

akan disertai oleh 20 peserta dengan setiap kawasan berkenaan diwakili oleh lima peserta.

"Sehingga kini terdapat 2,436 penternak lembu sado di Terengganu dan daripada jumlah ini, seramai 810 penternak merupakan golongan belia berusia kurang dari 40 tahun.

"Besut merekodkan penternak lembu sado paling ramai iaitu 839 orang, diikuti Kuala Terengganu (588), Marang (431) dan Kuala Nerus (308).

"Melalui projek Pembangunan Hub Lembu Sado Berkelompok, kita mahu mengasilkan daging lembu yang berkualiti tinggi setaraf dengan piawaian hotel terkemuka agar dapat memberi pulangan lumayan," katanya.

Menurutnya, bagi mencapai piawaian tersebut, penternak perlu lebih agresif dan mahir dengan kaedah pemotongan daging, selain perlu menerapkan amalan pengurusan penjinagaan ternakan secara sistematik.

# 160kg telur sotong dirampas

**Lumut:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menggagalkan cubaan membawa masuk 160 kilogram (kg) telur sotong katak sejuk beku dari Indonesia di pintu masuk Pelabuhan Lumut di sini, kelmarin.

Telur sotong dianggarkan bernilai RM4,800 itu

ditemui dalam 20 kotak hasil pemeriksaan terhadap dua tong ikan di lokasi berkenaan.

Pengarah MAQIS Perak Rozita Superman berkata, telur sotong katak sejuk beku itu ditemui dalam tong ikan berkenaan dan tidak mempunyai permit import sah dikeluarkan agensi terbabit, sekali gus

suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Jika disabit kesalahan boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara se-hingga enam tahun atau keduanya sekali mengikut Seksyen 11(3) Akta sama,” katanya semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.03.2021	SINAR HARIAN	SH NEGERI PERAK. P.PINANG	28

## Maqis Perak rampas telur sotong katak

**LUMUT** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua tong ikan yang berisi telur sotong katak seberat 160 kilogram (kg) di pintu masuk jabatan tersebut di Pelabuhan Lumut, di sini pada Isnin.

Pengarah Maqis Perak, Rozita Superman berkata, barangan yang dianggarkan bernilai RM4,800 itu cuba dibawa masuk dari negara Indonesia tanpa permit Maqis yang sah.

Menurutnya, tindakan tersebut dibuat hasil peme-

riksaan rutin yang dilakukan oleh pegawai Maqis ke atas tong-tong ikan tersebut setelah mendapati 20 kotak telur sotong katak sejuk beku ditemui di dalam tong tersebut.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import dikeluarkan Maqis merupakan suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak mele-

bihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama," katanya dalam satu kenyataan akhbar pada Selasa.

Rozita berkata, Maqis Perak sentiasa komited dalam menjalankan tugas di pintu-pintu masuk negara ini bagi memastikan sebarang kemasukan produk pertanian, perikanan dan haiwan sentiasa dipatuhi bagi menjamin keselamatan makanan negara.

## Gagalkan cubaan bawa masuk telur sotong

**Lumut:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan membawa masuk 160 kilogram (kg) telur sotong katak sejuk beku dari Indonesia di pintu masuk Pelabuhan Lumut di sini, kelmarin.

Telur sotong yang dianggarkan bernilai RM4,800 itu ditemui dalam 20 kotak hasil pemeriksaan terhadap dua tong ikan di lokasi berkenaan.

Pengarah Maqis Perak

Rozita Superman berkata, telur sotong katak sejuk beku itu ditemui dalam tong ikan berkenaan dan tidak mempunyai permit import yang sah dikeluarkan agensi terbabit.

“Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import dikeluarkan Maqis adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya.



SEBAHAGIAN telur sotong katak sejuk beku yang dirampas Maqis.



## Ternakan udang didakwa punca pencemaran sungai

Oleh SAFINA RAMLI

**GEORGE TOWN** - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa negeri Pulau Pinang, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan menyiasat dengan segera masalah pencemaran di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau yang didakwa berpunca daripada aktiviti ternakan udang.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kadir berkata, pihaknya menerima aduan nelayan di Kuala Sungai Pinang yang merasa bimbang sumber pendapatan mereka merosot akibat pencemaran sungai dan laut yang berlaku di kawasan itu ketika ini.

"Masalah yang berlaku lebih 20 tahun lalu itu didakwa berpunca aktiviti ternakan udang yang membuang sisa kolam ke dalam saliran, sungai serta laut berhampiran," jelasnya.

Menurut Mohideen, jika masalah pencemaran itu tidak berlaku nelayan di situ mampu memperoleh pendapatan mencecah RM200 sehari namun pada masa ini pendapatan mereka hanya tinggal RM30 hingga RM70 sehari.

"Selain mencemarkan sungai dan laut, sisa buangan dari kolam udang ini juga telah me-



**SISA buangan didakwa daripada aktiviti ternakan udang mencemari kawasan sungai dan laut di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau semalam.**

nyebabkan saliran di kawasan itu menjadi cetek akibat mendapan bahan tersebut.

"Banyak aduan dibuat oleh nelayan-nelayan yang terlibat kepada pihak berkenaan tetapi tidak ada tindakan berkesan yang diambil," katanya.

Tambahnya, CAP kesal dengan sikap pihak berwajib kerana tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap ancaman pencemaran yang berlaku.

"Kami bimbang jika masalah ini tidak ditangani dengan berkesan, alam sekitar di

kawasan ini akan tercemar dengan lebih serius lagi dan nelayan-nelayan yang bergantung hidup kepada hasil sungai dan laut akan putus mata pencarian.

"CAP juga membantah keras jika terdapat rancangan baharu oleh mana-mana pihak untuk meneroka hutan paya bakau di kawasan ini bagi melaksanakan projek ternakan udang kerana ia boleh mencetuskan ancaman lebih buruk ke atas alam sekitar dan kehidupan nelayan tempatan," katanya.

# CAP gesa siasat Kuala Sungai Pinang tercemar

**Balik Pulau:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan negeri, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan menyiasat punca serta mengambil tindakan bagi menangani pencemaran sungai di Kuala Sungai Pinang di sini.

Ia berikutan tiada tindakan berkesan diambil walaupun nelayan sudah beberapa kali membuat aduan kepada pihak berkaitan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata masalah sejak lebih 20 tahun lalu itu dipercayai berpunca daripada aktiviti ternakan udang yang memusnahkan beratus hektar hutan bakau di kawasan berkenaan yang difahamkan memberi kesan dan menjejaskan pendapatan kira-kira 300 nelayan di kawasan terbabit.

"Sisa kolam dibuang ke dalam saluran, sungai serta laut berhampiran menyebabkan nelayan bimbang sumber pendapatan mereka merosot teruk akibat pencemaran di kawasan itu.

"Sebelum ini, mereka memperoleh pendapatan



*Kuala Sungai Pinang didakwa tercemar lebih 20 tahun akibat sisa buangan daripada aktiviti ternakan udang. (Foto ihsan CAP)*

RM200 sehari, tetapi sekarang hanya tinggal RM30 hingga RM70 sehari," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mohideen berkata, tempat hidupan laut membiak sudah terancam, manakala ikan dan udang yang menjadi sumber tangkapan utama nelayan di situ juga semakin pupus dan selain mencemarkan, ia menyebabkan saluran di kawasan itu menjadi cetek akibat mendapan sisa dan bahan terbabit.

"CAP kesal dengan sikap pihak berwajib tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap pencemaran serta membiarkan sumber perikanan dan nelayan di sini terus menjadi mangsa.

"Jika masalah ini tidak ditangani dengan berkesan, alam sekitar di kawasan itu akan tercemar dengan lebih serius, malah nelayan yang bergantung hidup kepada hasil sungai dan laut akan putus mata pencarian," katanya.

# Padi ditanam dalam tong cat terpakai hidup subur

Oleh NOR AINNA HAMZAH  
utusannews@mediamula.com.my

**REBAU:** Sukar untuk mendapatkan emping segar, seorang pesara polis mengambil keputusan menanam padi di dalam tong-tong cat terpakai.

Mohd. Zaki Lasim, 72, berkata, untuk tujuan itu, dia mula membeli benih padi seberat 200 gram sejak empat bulan lalu menerusi laman web belian dalam talian.

Jelasnya, benih-benih tersebut disemainya di dalam tujuh tong cat bersaiz besar dan empat lagi tong cat bersaiz kecil.

"Alhamdulillah kini kesemua padi yang saya tanam dalam tong cat hidup subur dan setinggi kira-kira satu meter.

"Ada juga padi yang sudah pun boleh dituai dan dibuat emping," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Taman Ternakan Lebah Kelulut, Bukit Chengkih, Legung Ulu, dekat sini semalam.

Mohd. Zaki berkata, dia gembira apabila individu yang berkunjung ke kediamannya untuk melihat ternakan kelulut turut teruja melihat padi yang ditanamnya itu.

"Kalau dulu banyak kampung yang usahakan padi tapi disebabkan masalah sistem saliran dan perlu belanja yang sangat besar, banyak kawasan tanah padi bertukar menjadi projek pertanian lain.



MOHD. Zaki Lasim menunjukkan pokok padi yang ditanamnya di dalam tong-tong terpakai di Taman Ternakan Lebah Kelulut, Bukit Chengkih, Legung Ulu, Rembau. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

"Usaha menanam padi di dalam bekas seperti ini boleh diambili perhatian oleh agensi pertanian berkaitan sebagai langkah jangka masa panjang bekalan beras buat negara," katanya.

Menurut beliau, tanaman padinya itu mampu menghasilkan dua kilogram beras untuk kegunaan keluarganya sendiri.

"Kalau di negara jiran, sudah banyak padi ditanam di dalam

pelbagai bekas terpakai. Apa yang penting, hanya perlu pastikan tanaman ini di bahagian bawahnya ditenggelami air bagi memastikan padi dapat tumbuh lebih subur," katanya.

## Hasil harumanis diramal 3,000 tan

**KANGAR:** Jabatan Pertanian negeri menjangka pengeluaran mepelam harumanis sebanyak 3,000 tan metrik musim ini dengan nilai RM75 juta iaitu lebih tinggi berbanding kira-kira 2,200 tan metrik pada tahun lalu.

Pengarah Pertanian negeri, Hafizuddin Othman berkata, sasaran awal tersebut dibuat berdasarkan jumlah pokok matang yang mampu mengeluarkan hasil lebih banyak melibatkan keluasan kawasan 1,338 hektar berbanding 1,160 hektar pada musim sebelumnya.

Menurut beliau, pengeluaran tersebut bergantung kepada cuaca dan prestasi pokok se-



HAFIZUDDIN OTHMAN

masa kerana berkemungkinan pengeluaran bunga untuk peringkat ketiga akan berlaku lagi.

"Ada yang meramalkan jumlah hasil akan berkurangan tahun ini. Bagaimanapun, kami masih tidak dapat memberikan ramalan akhir sama ada akan ada lagi buah yang akan terhasil kerana bunga harumanis kali ketiga ini dijangka akan turun hingga akhir bulan ini.

"Jika pengurusan ladang baik dan cuaca elok iaitu tidak terlalu banyak taburan hujan, maka kita mungkin boleh mendapat sehingga 3,000 tan metrik atau lebih. Namun, jika sebaliknya, jumlah tersebut mungkin berkurangan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Beliau berkata, jumlah ke-

luasan tanaman harumanis termasuk pokok yang belum matang semakin bertambah pada tahun ini iaitu sebanyak 1,500 hektar.

Jelasnya, selain faktor taburan hujan yang tinggi pada hujung tahun lalu, pengusaha harumanis juga berdepan dengan masalah serangan kutu trips dan lelempat daun yang boleh menjejaskan pengeluaran.

"Masalah lelempat daun agak luar biasa pada tahun ini berbanding musim lepas. Oleh itu, kami sentiasa mengingatkan pengusaha harumanis untuk membuat kawalan dan mengambil tindakan segera," ujarnya.

## Program advokasi galak pengusaha jentuai bersih bongkah tanah

**Kangar:** Pelbagai program advokasi dimulakan untuk menggalakkan pengusaha jentuai dan kenderaan membajak di Perlis lebih bertanggungjawab dalam menguruskan isu bongkah tanah atau 'taik mesin' yang ditinggalkan di jalan raya, setiap kali musim menuai dan menanam padi.

Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Perlis, Hamizan Hassan, berkata bongkah lumpur yang dibiarkan di atas jalan amat membahayakan keselamatan pengguna jalan raya dan semua pihak perlu bekerjasama bagi menyelesaikan kemelut itu.

"Antara penyelesaian ialah pengusaha jentuai dan kenderaan membajak perlu segera membersihkan 'taik mesin' agar tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain," katanya.

Beliau berkata, disebabkan tiada agensi atau badan khusus dipertanggungjawabkan dan mempunyai kuasa mengawal pengusaha jentuai, MKJR meminta bantuan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk memberi kesedaran kepada pengusaha mengenai tanggungjawab itu.

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Perlis, Fatimah Mohamed Ali Piah, berkata pihaknya menjalankan advokasi menerusi operasi khas yang dilakukan dua kali pada setiap kali musim menuai bagi mendidik dan memberi kesedaran kepada pengusaha dan pemandu jentuai supaya bukan hanya mematuhi undang-undang jalan raya, tetapi juga lebih bertanggungjawab untuk tidak meninggalkan bongkah tanah di atas jalan.

Katanya, walaupun tiada kompaun dikeluarkan terhadap pengusaha dan pemandu jentuai menerusi operasi khas itu, JPJ sudah melakukan advokasi melibatkan sembilan jentuai dan sebuah lori pengangkut pada 15 Februari lalu.

"JPJ memberi nasihat perundangan berkaitan pengoperasian mesin padi di sekitar daerah ini dan Padang Besar dan mendapati kumpulan sasar memahami dan menyambut baik pelaksanaan penguatkuasaan secara advokasi dilakukan JPJ," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerus Besar (Pertanian) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kamarudin Dahuli berkata, mereka memubuhkan MADA Agriculture Service Provider (MAS-PRO) di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 bagi mendaftar pembekal perkhidmatan mekanisasi dan atuomasi ladang bawah satu bumbung. BERNAMA

Headline	Board to help boost pineapple industry in Sabah		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	17 Mar 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	91 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 254
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 761



## Board to help boost pineapple industry in Sabah

**SERDANG:** The Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) will be established in Sabah to increase production and expand pineapple cultivation in the state, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee.

He said the matter has been discussed with the Sabah Agriculture and Fisheries Minister Datuk Dr Jeffrey Kitingan and would be realised soon.

"The discussion has a positive response.

This is one of the efforts to boost the pineapple industry in Sabah.

"The presence of MPIB (in Sabah) will help facilitate the management of the sector besides encouraging more people to participate in the pineapple industry commercially."

He said this to reporters after handing over the Prihatin Economic Stimulus Package

incentives to 20 pineapple farmers at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) here, yesterday, with the MPIB chairman Datuk Dr Sahrudin Jamal also present.

Meanwhile, Ronald said the national pineapple production capacity was 400,000 metric tonnes per year with a value of over RM500 million.

However, he said the volume was insufficient not only for the international market but also for the local market.

"The government is confident that the MPIB can help increase the pineapple cultivation in this country from 16,000 hectares to 20,000 hectares to meet the market demands," he said.

To empower the industry, Ronald said the government has allocated RM13 million to the MPIB to benefit about 5,000 pineapple industry players. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.03.2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## LPNM TINGKATKAN KELUASAN TANAMAN NANAS NEGARA



KUALA LUMPUR – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan meningkatkan keluasan tanaman nanas negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) dari keluasan 16,000 hektar kepada 20,000 hektar. Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, ini bagi menampung permintaan tinggi bukan sahaja untuk pasaran eksport, malah bagi permintaan dalam negara.

Katanya, nanas merupakan tanaman yang dikategorikan kerajaan sebagai sumber kekayaan baharu negara susulan permintaannya yang tinggi terutama pasaran eksport seperti varieti premium MD2. "Ketika ini, kapasti negara mengeluarkan nanas

400,000 tan metrik dengan nilai lebih RM500 juta setahun.

"Bagaimanapun, jumlah itu belum mencukupi untuk pasaran nanas MD2 di luar negara serta pasaran tempatan," katanya pada majlis penyampaian Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Rakyat Pengusaha Nanas di Pusat Informasi Nanas, Laman Nanas MAEPS Serdang, semalam.

### ADVERTISEMENT

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Dr. Anis Mahmod; Pengerusi LPNM, Datuk Dr. Sahrudin Jamal; dan Timbalan Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairulzamri M. Salleh.

Penyampaian insentif PRE Prihatin Rakyat kepada pengusaha nanas merupakan sebahagian daripada keseluruhan nilai insentif yang diterima oleh LPNM sebanyak RM13 juta.

Dr. Ronald yakin sektor nanas akan menjadi sektor yang berdaya maju dengan situasi negara dunia dalam proses pemulihan dan pemvaksinan (vaksinasi) Covid-19.

Kata beliau, dengan pemulihan dan pemvaksinan yang sedang berjalan, eksport nanas dijangka terus berkembang sebanyak lima peratus setahun bagi tempoh RMK-12 ini.

Eksport nanas negara, katanya, mencatatkan jumlah sebanyak RM490 juta bagi tahun 2019 berbanding RM343 juta tahun 2018.

Dalam pada itu, beliau berkata, terdapat perkembangan positif cadangan mewujudkan LPNM di Sabah bagi meningkatkan pengeluaran dan meluaskan penanaman nanas negara.

Kata Dr. Ronald, ini menerusi kunjungan rasminya bersama Timbalan Ketua Pengarah LPNM terhadap Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Mohd Noor dan Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffery Kitingan pada 19 Februari lalu di Kota Kinabalu.

"Beberapa perkara penting telah dibincangkan dengan Ketua Menteri Sabah dalam pertemuan tersebut untuk terus bekerjasama bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan menjamin keselamatan makanan negara.

"Ini satu perkembangan positif bagi industri nanas keseluruhannya dan tindakan lanjut susulan perbincangan tersebut sedang diambil oleh MAFI bagi merealisasikan cadangan ini dalam masa terdekat," katanya. – MalaysiaGazette.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.03.2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## LPNM TINGKAT KELUASAN TANAMAN NANAS NEGARA



SHAH ALAM - Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan meningkatkan keluasan tanaman nanas negara daripada 16,000 hektar kepada 20,000 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bermula 2021 hingga 2025.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, ia bagi menampung permintaan tinggi bukan sahaja untuk pasaran eksport, malahan permintaan untuk dalam negara.

Menurutnya, nanas merupakan tanaman yang telah dikategorikan oleh kerajaan sebagai sumber kekayaan baharu negara susulan permintaannya yang tinggi terutama pasaran eksport seperti varieti premium MD2.

"Buat masa ini, kapasti negara untuk mengeluarkan nanas ialah 400,000 tan metrik dengan nilai lebih RM500 juta setahun. Walaupun begitu, jumlah tersebut masih belum

mencukupi untuk pasaran nanas MD2 di luar negara serta pasaran tempatan.

"Saya yakin sektor nanas akan terus menjadi sektor yang berdaya maju dengan situasi negara-negara dunia dalam proses pemulihan dan pemvaksinasi (vaksinasi) Covid-19. Oleh itu, eksport nanas dijangka terus berkembang sebanyak lima peratus setahun bagi tempoh RMK12 ini.

"Eksport nanas negara mencatatkan jumlah RM490 juta bagi tahun 2019 berbanding RM343 juta pada tahun 2018," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Rakyat Pengusaha Nanas di Pusat Informasi Nanas, Laman Nanas MAEPS Serdang, Selangor pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Dr Anis Mahmod; Pengerusi LPNM, Datuk Dr Sahrudin Jamal dan Timbalan Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairulzamri M Salleh.

Penyampaian insentif tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan nilai insentif yang diterima oleh LPNM sebanyak RM13 juta di bawah PRE Prihatin Rakyat.

Dalam pada itu, Ronald berkata, terdapat perkembangan positif cadangan mewujudkan LPNM di Sabah bagi meningkatkan pengeluaran dan meluaskan penanaman nanas negara.

Menurutnya, ia menerusi kunjungan rasmi beliau dan turut disertai Timbalan Ketua Pengarah LPNM terhadap Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Mohd Noor serta Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffery Kitingan pada 19 Februari lalu.

"Beberapa perkara penting telah dibincangkan dengan beliau dalam pertemuan tersebut untuk terus bekerjasama bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan menjamin keselamatan makanan negara.

"Ini adalah satu perkembangan positif bagi industri nanas keseluruhannya dan tindakan lanjut susulan perbincangan tersebut sedang diambil oleh MAFI bagi merealisasikan cadangan ini dalam masa terdekat," kata Ronald.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.08.2021	BERNAMA TV	ONLINE	



### Wujudkan LPNM, rancakkan industri nanas

**Bernama TV**  
22 jam

#BuletinBernama : Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bakal diwujudkan di Sabah bagi meningkatkan pengeluaran dan meluaskan penanaman nanas

Penubuhan tersebut dapat dimanfaatkan usahawan nanas negeri itu untuk menceburi industri penanaman nanas secara besar-besaran.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17.03.2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## LPNM DIWUJUDKAN DI SABAH UNTUK RANCAKKAN INDUSTRI NANAS - RONALD



SERDANG: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan diwujudkan di Sabah bagi meningkatkan pengeluaran serta meluaskan penanaman nanas di Negeri Di Bawah Bayu itu, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Katanya, perkara tersebut telah dibincangkan bersama Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah Datuk Dr Jeffrey Kitingan dan bakal direalisasikan dalam masa terdekat.

Menurut Ronald, industri penanaman nanas di Sabah masih kurang berbanding di Semenanjung Malaysia.

“Perbincangan menunjukkan reaksi positif. Ini salah satu usaha bagi merancakkan industri nanas di Sabah. Dengan adanya LPNM (di Sabah) kelak, lembaga ini akan memudahkan pengurusan sektor ini selain menggalakkan lebih ramai menyertai industri nanas secara komersial,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha Nanas di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini hari ini yang turut dihadiri Pengerusi LPNM Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Berkongsi mengenai pengeluaran nanas negara, Ronald berkata kapasiti pengeluaran nanas adalah 400,000 tan metrik setahun dengan nilai lebih RM500 juta.

Bagaimanapun, katanya, jumlah tersebut tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pasaran di luar negara, bahkan pasaran tempatan.

“Kerajaan yakin, LPNM mampu meningkatkan keluasan tanaman nanas negara yang ketika ini berkeluasan 16,000 hektar kepada 20,000 hektar bagi menampung permintaan tinggi bukan sahaja untuk pasaran eksport malah dalam negara,” katanya.

Mengenai peruntukan bagi memperkasakan industri itu, Ronald berkata kerajaan memperuntukkan RM13 juta kepada LPNM untuk dimanfaatkan kira-kira 5,000 pengusaha nanas yang terdiri daripada pekebun, usahawan industri asas tani serta usahawan pemasar, pengangkut dan penjual.

Terdahulu pada majlis itu, beliau menyerahkan Insentif PRE Prihatin kepada 20 wakil pengusaha nanas.